

Kajian Rintis Tentang Kesedaran Bidang Psikologi Klinikal di Kalangan Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan di Malaysia

NG LAI OON

ABSTRAK

Pengkhususan psikologi klinikal dalam bidang psikologi ialah satu bidang iktisas klinikal yang amat diperlukan dari segi rawatan kecelaruan mental, masalah tingkah laku dan juga pembelajaran. Bidang psikologi klinikal kini telah diterima di dalam sistem kesihatan di negara-negara barat umpamanya dalam perkhidmatan kesihatan mental dan sistem pendidikan. Di Malaysia, psikologi klinikal ialah satu konsep yang baru dan belum diterima oleh sistem perubatan dan kesihatan secara amnya. Kajian rintis ini melihat tahap kesedaran 199 orang Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan tentang psikologi klinikal. Hasil kajian ini mendapati bahawa hanya 13.6% daripada responden sahaja yang mempunyai pengetahuan asas tentang psikologi klinikal. Kesedaran tentang psikologi klinikal sebagai bidang iktisas klinikal di kalangan Ahli Perubatan dan Ahli Sains Kesihatan masih kurang. Kefahaman tentang faedah psikologi klinikal dalam rawatan perubatan dan kesihatan tidak mencukupi di kalangan ahli perubatan dan perkhidmatan kesihatan. Keperluan untuk meningkatkan kesedaran psikologi klinikal sebagai profesi klinikal dan juga sebagai satu disiplin sains kesihatan kini sangat penting kerana perkhidmatan psikologi klinikal dapat membantu dalam menyempurnakan perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Implikasi hasil kajian ini ialah mengenai perlunya peningkatan kesedaran tentang bidang psikologi klinikal.

Kata kunci: psikologi klinikal, kesedaran sains kesihatan, kesihatan mental

ABSTRACT

Clinical psychology is a specialised field of professional psychology that is much needed with regards to the treatment of mental disorders, behaviour problems and learning difficulties. The field of clinical psychology has been integrated into the health system, especially the mental health and education system, in many western countries. In Malaysia, clinical psychology is still a new concept and has yet to be accepted into the medical and health systems in

general. This preliminary study looks at the awareness of 199 medical and health sciences professional with regards to clinical psychology. Results of this survey found that only 13.6% of the respondents demonstrated basic knowledge of what clinical psychology is. The awareness of clinical psychology as a clinical profession, and its benefits within the health system is still very much lacking among medical and health sciences professionals. The need to improve awareness of clinical psychology as a clinical profession as well as a health science discipline is very important as clinical psychology services are able to contribute to more holistic treatment of health problems in Malaysia. Implications of this study includes the need for the awareness of clinical psychology to be improved.

Key words: *clinical psychology, health sciences awareness, mental health*

PENGENALAN

Psikologi klinikal merupakan bidang iktisas yang agak baru di Malaysia. Ianya merupakan satu pengkhususan dalam bidang psikologi. Peranan Ahli Psikologi Klinikal ialah untuk mencegah, menilai, membuat diagnosis dan merawat kecelaruan mental serta pelbagai masalah yang berkaitan seperti kecelaruan tingkah laku dan masalah pembelajaran. Sebagai salah satu bidang iktisas kesihatan mental, Ahli Psikologi Klinikal tergolong dalam profesion bidang sains kesihatan dan membantu dalam rawatan kesihatan secara menyeluruh. Sepertimana bidang sains kesihatan yang lain, psikologi klinikal amat diperlukan di Malaysia untuk membantu pelbagai pihak perubatan dan kesihatan dalam menyempurnakan perkhidmatan kesihatan (Mohd Azman Abu Bakar 2006).

Perkhidmatan psikologi klinikal ialah salah satu perkhidmatan sains kesihatan yang lazim di negara-negara maju seperti United Kingdom, Australia dan Amerika Syarikat. Perkhidmatan psikologi klinikal digunakan dalam pelbagai sektor awam dan swasta termasuk sistem perkhidmatan kesihatan, persekolahan, sukan, produktiviti korporat, agensi pertahanan, kepolisian, kebajikan dan perundangan.

Di Malaysia, psikologi klinikal hanya muncul lebih kurang 15 tahun dahulu (Ng et al. 2003). Kini permintaan untuk perkhidmatan psikologi klinikal adalah daripada pelbagai sektor, terutamanya di kalangan pusat kesihatan awam dan swasta. Antara agensi kerajaan yang telah menggunakan perkhidmatan psikologi klinikal termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia, dan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (Teoh et al. 2003).

Namun demikian kesedaran tentang kewujudan perkhidmatan psikologi klinikal dan Ahli Psikologi Klinikal masih kurang. Oleh itu, peluang pekerjaan untuk Ahli Psikologi Klinikal yang sedia ada dalam negara ini juga terhad.

Kini, di Malaysia, terdapat hanya kira-kira 40 orang Ahli Psikologi Klinikal yang sedang berkhidmat (Ng 2005). Kebanyakan Ahli Psikologi Klinikal

berkhidmat di Lembah Kelang. Sejumlah dua orang di Pulau Pinang dan seorang di Kuching, Sarawak. Kebanyakan daripada Ahli Psikologi Klinikal di Malaysia berkerja sebagai pensyarah universiti dan pengamal persendirian.

Walaupun terdapat permintaan daripada pelbagai agensi kerajaan, bidang psikologi klinikal belum diiktiraf sebagai satu bidang iktisas klinikal di dalam sistem perkhidmatan awam Kerajaan Malaysia (Teoh et al. 2003). Satu kemungkinan sebab profesyen psikologi klinikal belum diiktirafkan sebagai bidang iktisas klinikal ialah kerana pengetahuan umum yang kurang tentang keperluan bidang ini. Pengalaman penyelidik kajian ini juga mendapati bahawa ramai di antara Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan yang kurang tahu akan bidang tugas dan peranan Ahli Psikologi Klinikal.

Ng et al. (2003) telah melaporkan beberapa isu tentang bidang psikologi klinikal di Malaysia. Isu-isu yang dibentangkan termasuk latihan dan pendidikan, pertumbuhan iktisas, lembaga pendaftar/badan pemantau, perkhidmatan, pengiktirafan Jabatan Perkhidmatan Awam dan insuran/indeemniti profesional.

Dari segi latihan, hanya terdapat dua institut pengajian tinggi yang mempunyai program sarjana dalam bidang psikologi klinikal. Program tersebut masih baru dan mempunyai jumlah graduan dan pelajar yang sedikit kerana kekurangan tenaga pengajar dan penyelia klinikal (Ng et al. 2003). Ketiadaan pertumbuhan iktisas dan lembaga pendaftar atau badan pemantau juga mendedahkan bidang psikologi klinikal kepada ancaman pengamal palsu dan juga masalah etika pengamalan. Lebih-lebih lagi, syarikat insuran enggan untuk membantu dari segi indeemniti profesional atas sebab ketiadaan lembaga pendaftar dan pemantau bagi bidang psikologi klinikal (Yap Foo Vee, Great Eastern Life Assurance, komunikasi peribadi, Mei 2004).

Dari pengalaman pengarang, kesedaran tentang psikologi klinikal sebagai bidang iktisas klinikal di kalangan Ahli Perubatan masih amat kurang. Ramai Doktor Perubatan yang ditemui pengarang kurang tahu tentang perkhidmatan psikologi klinikal dan biasanya menangani kecelaruan mental dengan menggunakan cara perubatan sahaja. Ada juga Pakar Psikiatri yang ditemui pengarang tidak faham akan bidang tugas mahupun kemahiran klinikal ahli psikologi klinikal. Sogolongan Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan yang lain seperti jururawat, ahli sains pemakanan, jurupulih cara kerja, terapis pemulihan pertuturan-bahasa dan fisioterapis yang dijumpai pengarang juga kurang pengetahuan tentang psikologi klinikal.

Kesedaran tentang psikologi klinikal sebagai bidang iktisas klinikal dan disiplin sains kesihatan amat perlu kerana terdapat banyak faedah daripada perkhidmatan psikologi klinikal, terutamanya dalam meningkatkan kualiti hidup pesakit serta kemajuan rawatan. Contoh sumbangan psikologi klinikal termasuk penilaian psikologi, rawatan kecelaruan psikiatri, motivasi sukan, menangani kerisauan tinggi, pengurusan tingkah laku, kawalan rasa sakit secara psikologikal, dan peningkatan daya pembelajaran.

Sebalik pengalaman, pengarang tidak dapat sebarang kajian tentang kesedaran bidang psikologi klinikal di Malaysia. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian rintis bagi populasi Sains Kesihatan di Malaysia.

Kajian ini merupakan kajian rintis untuk mengenal pasti tahap kesedaran tentang bidang psikologi klinikal di kalangan Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan di Malaysia. Objektif kajian ini ialah;

1. untuk merangsang perasaan ingin tahu para Ahli Perubatan dan Ahli Sains Kesihatan tentang bidang psikologi klinikal dan peranannya
2. untuk mengenal pasti keluasan pengetahuan para Ahli Perubatan dan Ahli Sains Kesihatan tentang bidang psikologi klinikal dan peranannya
3. untuk mengenal pasti kesalahfahaman mengenai bidang psikologi klinikal dan peranannya di kalangan ahli perubatan dan sains kesihatan
4. untuk mengenalpasti ahli psikologi klinikal yang baru dan yang palsu.

Hasil kajian ini dapat mengenal pasti tahap kesedaran umum para Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan tentang bidang psikologi klinikal secara prevalens. Kesedaran yang rendah bermakna Ahli Psikologi Klinikal perlu mengembangkan kesedaran terhadap bidangnya. Kesedaran yang rendah juga bermakna Ahli Psikologi Klinikal perlu lebih memasarkan kemahiran dan bidang tugasannya supaya dapat menyenangkan ahli iktisas serta pengguna yang memerlukan perkhidmatan psikologi klinikal. Kajian ini juga dapat mengenalpasti Ahli Psikologi Klinikal yang baru supaya dapat mengembangkan rangkaian bidang ini dari segi kemahiran serta latihan. Pengenalpastian ahli psikologi yang palsu dapat juga menggalakkan pembangunan satu lembaga pendaftaran profesional bagi bidang psikologi klinikal dan psikologi gunaan yang lain seperti psikologi industri dan organisasi, dan psikologi perkembangan di Malaysia.

Hasil kajian ini akan mengutarakan tahap pendidikan profesional sains kesihatan tentang psikologi gunaan dalam amalan kesihatan, serta peranannya dalam perkhidmatan sains kesihatan, terutamanya dalam kumpulan pelbagai disiplin (*multidisciplinary team*). Psikologi klinikal juga satu bidang iktisas yang amat serbaguna di mana ahli psikologi klinikal berkemahiran dalam psikologi gunaan yang boleh diamalkan dalam pendidikan, motivasi, pengurusan tingkah laku, bidang keibubapaan serta kesihatan mental sektor korporat. Oleh itu, pendidikan tentang psikologi klinikal berguna jika dikembangkan di institut-institut pendidikan, kumpulan-kumpulan beranggota seragam, serta organisasi yang lain (Teoh et al. 2003).

KAEDAH

SUBJEK/RESPONDEN

Borang soal selidik dihantar kepada 300 orang responden secara rawak di kolej perubatan, hospital dan persidangan psikiatrik. Tidak semua borang diterima

balik. Memandangkan ini adalah kajian rintis, hanya jawapan daripada 199 responden dibentangkan. Responden termasuk 89 orang doktor perubatan dari sekitar Kuala Lumpur, Kelang, Pulau Pinang, Alor Setar, Johor Bahru dan Kota Kinabalu; 90 orang pembantu perubatan yang kebanyakannya jururawat, beberapa orang jurupulih cara kerja di Kolej Pembantu Perubatan Seremban; dan 20 orang ahli farmasi dari Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

BAHAN/PERALATAN

Bahan yang digunakan ialah satu borang soal selidik yang dipanggil Clinical Psychology Awareness Survey Questionnaire yang dibina oleh penyelidik sendiri. Borang ini merangkumi maklumat demografik dan soalan kualitatif tentang kesedaran mengenai psikologi klinikal. Maklumat demografik termasuk maklumat jenis pekerjaan dan tahap pengajian responden.

Soalan-soalan kualitatif termasuk :

1. *What is clinical psychology?*
(Apa itu psikologi klinikal?)
2. *Do you know, or have you heard of any clinical psychologists in Malaysia? If yes, please state their names.*
(Siapakah Ahli Psikologi Klinikal yang anda kenal, atau pernahkah anda dengar tentang Ahli Psikologi Klinikal di Malaysia? Jika ya, sila tuliskan nama mereka)
3. *How can clinical psychologists be of service to you as an individual and as an organisation?*
(Bagaimanakah ahli psikologi klinikal boleh membantu anda dari segi individu dan dari segi organisasi?)
4. *Where can you find clinical psychologists in Malaysia?*
(Di manakah boleh anda cari ahli psikologi klinikal di Malaysia?)

PROSEDUR

Borang soal selidik diberikan kepada para ahli perubatan dan ahli sains kesihatan secara rawak dengan tangan secara terus semasa persidangan perubatan dan kesihatan, serta di jabatan-jabatan hospital dan kolej perubatan. Borang soal selidik juga dipaparkan pada laman sesawang. Para responden diberi e-mel oleh penyelidik supaya menjawab soal selidik pada laman sesawang.

HASIL

Apabila ditanya tentang peranan ahli psikologi klinikal, kebanyakan responden menjawab bahawa mereka tidak tahu mengenainya. Pada keseluruhannya, 13.6% daripada responden mengetahui sedikit sebanyak tentang bidang psikologi klinikal dan peranannya dalam sistem perkhidmatan kesihatan. Di kalangan responden yang tahu tentang bidang tugas ahli psikologi klinikal, jawapan yang kerap diberi termasuk memberi latihan menangani stres serta menjalankan penilaian psikologi.

Di kalangan doktor perubatan, hanya 19.1% yang mempunyai pengetahuan asas tentang bidang psikologi klinikal (Jadual 1). Ramai di kalangan doktor perubatan yang menjawab bahawa mereka tidak tahu fungsi atau peranan ahli psikologi klinikal dan keliru dengan jawatan pakar psikiatri. Ada di antara doktor perubatan menganggap Pakar Psikiatri, Pakar Kanak-kanak, Pakar Neurologi dan Kaunselor yang mereka kenal sebagai Ahli Psikologi Klinikal. Ada juga yang telah menamakan beberapa orang yang bukan Ahli Psikologi sebagai Ahli Psikologi Klinikal yang mereka kenal.

JADUAL 1. Pengetahuan tentang bidang psikologi klinikal di antara Ahli Perubatan dan Sains Kesihatan.

| Responden | N | Tahu (%) | Tidak Tahu (%) |
|----------------------------------|-----|-------------|-------------------|
| Doktor Perubatan | 89 | 17 (19.1%) | 72 (81.9%) |
| Ahli Farmasi | 20 | 7 (35.0%) | 13 (65.0%) |
| Jururawat dan Pembantu Perubatan | 90 | 3 (3%) | 87 (97%) |
| Jumlah | 199 | 27 | 172 |

Corak jawapan di kalangan Doktor Perubatan mendapati bahawa responden yang muda (bawah umur 35 tahun) kurang tahu tentang peranan Ahli Psikologi Klinikal berbanding dengan para doktor yang lebih berpengalaman.

Di kalangan Ahli Farmasi pula, 35% telah menunjukkan pengetahuan asas tentang psikologi klinikal, manakala di kalangan jururawat, serta pembantu perubatan yang lain, hanya 0.03% sahaja yang mengetahui tentang bidang psikologi klinikal. Serupa dengan doktor perubatan, kumpulan sains kesihatan juga telah menamakan beberapa pakar psikiatri, pakar kanak-kanak dan kaunselor yang mereka kenal sebagai ahli psikologi klinikal.

PERBINCANGAN

Dari segi menguji hipotesis kajian, hasil yang utama ialah pengenalpastian keluasan pengetahuan para ahli perubatan dan ahli sains kesihatan tentang bidang psikologi kesihatan dan peranannya. Kajian ini mendapati bahawa pengetahuan secara keseluruhan tentang bidang psikologi klinikal adalah rendah.

Berbanding dengan tahap pengetahuan Doktor Perubatan, kajian ini mendapati bahawa pengetahuan para Ahli Farmasi tentang bidang psikologi klinikal adalah lebih tinggi, memandangkan kebanyakan ahli farmasi yang diselidik adalah peserta persidangan psikiatri dan kesihatan mental. Oleh itu, hasil ini mungkin dipengaruhi maklumat yang sedia ada tentang bidang psikologi klinikal dan peranan ahli psikologi klinikal. Namun demikian, pengetahuan tentang bidang psikologi klinikal tetap rendah.

Dari segi merangsangkan perasaan ingin tahu para ahli perubatan dan ahli sains kesihatan tentang bidang psikologi klinikal dan peranannya, hanya kurang daripada lima orang sahaja yang meminta lebih maklumat tentang bidang psikologi klinikal. Akan tetapi, penyelidik kajian ini tidak menafikan kemungkinan perasaan ingin tahu ini wujud walaupun tidak dituliskan dalam borang soal selidik.

Objektif pengenalpastian jenis kesalahfahaman tentang bidang dan peranan psikologi klinikal, dan nama ahli psikologi klinikal yang baru dapat dicapai. Akan tetapi, oleh sebab kebanyakan responden tidak tahu tentang peranan psikologi klinikal, kajian ini tidak dapat mengenal pasti corak kesalahfahaman mereka dengan lebih luas. Nama-nama Ahli Psikologi Klinikal baru hanya seorang-dua. Kebanyakan nama yang dinamakan ialah nama Pakar Psikiatris, para Ahli Psikologi Kaunseling atau para Ahli Psikologi Perkembangan.

Kajian ini mendapati bahawa selaras dengan pengalaman penyelidik, kebanyakan responden tidak mempunyai pengetahuan yang mantap tentang psikologi klinikal. Ada yang bersalah anggapan di kalangan ahli perubatan tentang peranan ahli psikologi klinikal.

Disebabkan kajian ini adalah kajian rintis, maklumat sedia ada yang didapati adalah kurang kuasa dari segi statistik dan perlu dibaiki dan lebih responden diperlukan untuk mendapatkan ukuran yang lebih tepat dan menyeluruh dari segi persampelan.

Kesedaran tentang psikologi klinikal di kalangan ahli perubatan dan sains kesihatan didapati rendah. Ahli psikologi klinikal perlu lebih pro-aktif dalam mempromosikan bidang tersebut dan juga memberi pendidikan yang lebih efektif tentang jenis perkhidmatan psikologi klinikal. Akan tetapi, kajian ini perlu diluaskan supaya rumusan yang sedia ada lebih sahih.

PENGHARGAAN

Pengarang makalah ini ingin memberi penghargaan kepada Nivashinie Mohan dan Cheong Sau Kuan kerana telah membantu dalam pengumpulan data kajian ini.

RUJUKAN

- Mohd Azman Abu Bakar. 2006. Peranan institut pengajian tinggi awam dalam menghasilkan anggota sains kesihatan yang berkualiti untuk sistem kesihatan Malaysia. Manuscrip Pentadbiran Fakulti. Kuala Lumpur: Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UKM.
- Ng, L.O. Teoh, H.J., & Haque, A. 2003. Clinical psychology in Malaysia: a brief overview. *Asean J. Psychiatry* 6: 11-16.
- Ng, W. S. 2005. Psychotherapists in Malaysia: A preliminary study on clinical psychologists. Doctor of Psychology Thesis, Argosy University, Illinois, USA.
- Teoh, H. J. , Ng, L.O., Khan, R., Chin, S.B.Y., Fauziah, S., Hanizam, A.G., Tan, H.Y., Oon, P.P. & Mahadevan, R. 2003. Mental Health Act Additions: clinical psychologists (qualifications, roles and training). Manuscrip Laporan ke Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ng Lai Oon
Unit Psikologi Kesihatan
Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300 Kuala Lumpur